



29 APR, 2025

Prestasi konsisten faktor rangkul gelaran EPL

Harian Metro, Malaysia



MEGAT Jalaluddin (depan kiri) bersama sebahagian penyokong Liverpool yang menyaksikan perlawanan di Kelab Kilat TNB, awal pagi semalam.

Kuala Lumpur: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan berpendapat prestasi sangat konsisten ditampikan Liverpool menjadi faktor utama mereka merangkul gelaran Liga Perdana Inggeris (EPL), musim ini.

Kejayaan bersejarah itu membolehkan Liverpool menyamai rekod 20 kejuaraan liga utama England milik Manchester United.

Jelas Megat Jalaluddin,

Prestasi konsisten faktor rangkul gelaran EPL

biarpun jurulatih kelahiran Belanda, Arne Slot baru mengendalikan Liverpool musim ini, beliau berjaya mencari resipi terbaik untuk menamatkan dominasi juara bertahan, Manchester City.

"Ini adalah satu daripada kekuatan Liverpool. Walaupun bertukar pengurus, pasukan dapat bermain dengan baik,

malah secara konsisten sama seperti pengurus sebelum ini iaitu Jurgen Klopp," katanya.

Terdahulu, beliau bersama ratusan peminat hadir menyaksikan tayangan perlawanan Liverpool membelasah Tottenham Hotspur 5-1 di Kelab Kilat TNB, Bangsar, sekali gus meraikan kejayaan itu, awal pagi semalam.